Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad 198201013982 (93745-A) ("Syarikat")

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

<Name of Customer> yang dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk ini menyediakan maklumat penting berkenaan pelan insurans berkaitan pelaburan anda.

Pelanggan lain telah membaca Risalah Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia membantu mereka; **anda hendaklah membacanya juga.**

Tarikh:<dd/mm/yyyy>

1 Apakah Smart Revive Max?

Smart Revive Max menawarkan kombinasi perlindungan insurans dan pelaburan. Jika anda meninggal dunia atau mengalami hilang upaya total dan kekal semasa tempoh polisi, ia membayar jumlah asurans asas termasuk jumlah asurans tambahan (jika ada) atau jumlah nilai pelaburan, mana yang lebih tinggi, pada masa tuntutan.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, bagi ***RM<premium amount based on RM500k coverage>*** *<payment mode>*, anda akan menerima **perlindungan/manfaat** insurans berikut. Ilustrasi ini berdasarkan lelaki tidak merokok berumur 30 tahun hari jadi berikut, ia mungkin bukan amaun premium dan perlindungan sebenar yang berkenaan untuk anda. Bagi amaun premium dan perlindungan sebenar anda, sila rujuk Ilustrasi Jualan. Rujuk Lampiran bagi maklumat lanjut berkenaan manfaat.

a)	Manfaat Kematian	**RM500,000**
b)	Manfaat Hilang Upaya Total dan Kekal ("TPD")	**RM500,000**
c)	Perlindungan / Manfaat Tambahan	i) Manfaat Kejadian Kemasukan Hospital ii) Ganjaran Tambahan iii) Manfaat Matang Tambahan iv) Manfaat Matang v) Set Semula Perlindungan vi) Jaminan Tidak Luput vii) Hak Istimewa Penukaran apabila polisi Matang
d)	Pilihan Pembayaran	Anda akan mempunyai pilihan berikut bagi pembayaran Manfaat Kematian di bawah polisi ini: i) pembayaran sekali gus; ii) pembayaran ansuran berstruktur mengikut tempoh yang dipilih; dan/atau iii) pembayaran berdasarkan pencapaian penting mengikut tempoh yang dipilih apabila pencapaian penting terpilih berlaku. Sila rujuk contoh kontrak polisi bagi maklumat lanjut.

Pelan insurans berkaitan pelaburan anda **tidak termasuk**:

- Bunuh diri – jika kematian berlaku akibat bunuh diri dalam tahun polisi pertama.
- TPD yang sedia wujud sebelum membeli pelan ini.
- Kejadian Kemasukan Hospital disebabkan perkara berikut:
  - Keadaan perubatan yang anda alami sebelum membeli pelan ini atau semasa tempoh menunggu (iaitu keadaan sedia ada).
  - Penyakit tertentu yang berlaku dalam masa 120 hari pertama.
  - Kecederaan yang dilakukan sendiri, penyakit atau percubaan bunuh diri.
  - Melakukan keganasan atau feloni atau pelanggaran undang-undang.
  - Memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah.
  - Peperangan atau aktiviti jenayah atau pengganas.
  - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).
  - Gangguan psikologi, kecelaruan personaliti, keadaan mental atau gangguan tingkah laku.
  - Penyalahgunaan alkohol atau dadah.
  - Pembedahan kosmetik atau rawatan.
  - Menjalani rawatan di luar negara kecuali rawatan yang dilakukan di Malaysia, Singapura dan Brunei.
  - Kehamilan atau kelahiran anak.
  - Rawatan untuk penyakit akibat hubungan seks.
  - Pembedahan tukar jantina.
  - Perubatan percubaan atau perubatan perintis atau teknik pembedahan.
  - Rawatan alternatif atau tambahan seperti perubatan tradisional Cina (TCM).
  - Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear.
  - Kecacatan atau penyakit kongenital, yang menunjukkan atau telah didiagnosis sebelum umur 17 tahun hari jadi berikut.
  - Keabnormalan perubatan serta fizikal yang sedia ada semasa kelahiran atau berkembang dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelahiran.
  - Jika hayat yang diasuranskan tidak dapat bertahan sekurang-kurangnya 14 hari dari hari pertama kemasukan hospital.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda mestilah merujuk pada polisi insurans bagi senarai penuh pengecualian.

Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans anda. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkenaan pelan insurans berkaitan pelaburan, anda boleh berbincang dengan pengantara atau:

Hubungi kami:	Layari laman sesawang kami:	E-mel kami:
1300-1300 88	greateasternlife.com	wecare-my@greateasternlife.com

3 Ketahui Kewajipan Anda

Bagi insurans berkaitan pelaburan anda, anda mestilah membayar premium sebanyak:	
Premium	***RM<Total Installment Premium>*** *<payment mode>* Premium keseluruhan yang anda perlu bayar dan terma polisi mungkin berbeza mengikut keperluan taja jamin Syarikat.
Tempoh:***< Premium Payment Term>*** *tahun*	
Syarikat memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana berkaitan pelaburan yang anda pilih.	
Premium diperuntukkan untuk pembelian unit	***<x%>*** *daripada premium atau* ***RM<allocated premium>*** Sila rujuk Ilustrasi Jualan bagi maklumat lanjut.
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Komisen	***<Total commission percentage>%*** *daripada premium atau* ***RM<total commission amount>***
Caj Insurans	Sila rujuk Ilustrasi Jualan bagi maklumat lanjut.
Caj Pengurusan Dana	Sila rujuk Ilustrasi Jualan bagi maklumat lanjut.
Yuran Polisi	***RM6*** sebulan. Sila rujuk Ilustrasi Jualan bagi maklumat lanjut.

4 Syarat Utama Lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
- Jumlah nilai pelaburan produk ini bergantung pada prestasi dana pilihan anda. Polisi akan luput apabila nilai unit pelaburan tidak mencukupi bagi membayar caj insurans dan caj lain, tertakluk pada Jaminan Tidak Luput.
- Sila baca risalah pernyataan dana kerana ia memberi penerangan berkenaan objektif dana berkaitan pelaburan. Pemilihan pelan atau kombinasi dana yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda adalah amat penting.
- Anda mempunyai tempoh tenggang selama 30 hari dari setiap tarikh premium berikut perlu dibayar untuk membayar premium berikutnya.
- Lien kanak-kanak dikenakan bagi Manfaat Kematian, Manfaat TPD dan Manfaat Kejadian Kemasukan Hospital seperti berikut:

Umur Hari Jadi Berikut pada Ulang Tahun Polisi	1	2	3	4
Peratusan Jumlah Asurans Asas	20%	40%	60%	80%

- Kelayakan bagi manfaat hanya akan bermula selepas tempoh menunggu seperti dinyatakan di bawah, dari tarikh permulaan risiko atau tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.

Manfaat	**Tempoh Menunggu**
Manfaat Kejadian Kemasukan Hospital (kecuali akibat kemalangan)	30 hari
Manfaat Kejadian Kemasukan Hospital akibat penyakit tertentu	120 hari

- Manfaat hanya akan dibayar jika hayat yang diasuranskan masih hidup sehingga sekurang-kurangnya tempoh hidup berikut selepas didiagnosis dengan suatu keadaan.

Manfaat	**Tempoh Hidup**
Manfaat Kejadian Kemasukan Hospital (dari hari pertama kemasukan hospital)	14 hari

- Sila layari greateasternlife.com/my bagi maklumat lanjut berkenaan prosedur tuntutan Syarikat.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk pada polisi insurans bagi senarai penuh terma.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh memerhati bebas:** Anda boleh membatalkan polisi dengan memulangkan polisi insurans dalam tempoh 15 hari selepas polisi dihantar kepada anda. Premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) mengikut harga unit pada tarikh penilaian yang berikutnya, sebarang caj insurans serta yuran polisi (setelah ditolak sebarang bayaran perubatan yang ditanggung dan tertakluk pada naik turun harga dana unit berkaitan pelaburan) akan dibayar balik kepada anda.
- **Selepas tempoh memerhati bebas:** Anda boleh membatalkan polisi tetapi nilai serahan tidak terjamin dan tertakluk pada naik turun harga dana unit berkaitan pelaburan. Sila rujuk Ilustrasi Jualan bagi maklumat lanjut.

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Syarikat atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Untuk maklumat berkenaan pemprosesan data peribadi dan hak anda terhadap data peribadi anda, sila rujuk Notis Perlindungan Data Peribadi yang dipaparkan dalam laman sesawang greateasternlife.com, atau dapatkan salinan daripada Pegawai Perkhidmatan Pelanggan kami.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.